

### **BAB III**

## **ISM FI 'L DALAM AL-QURAN AL-KARIM: SATU ANALISIS**

3.0 Pengenalan

Dalam bab III ini penulis akan mendedahkan secara ringkas pengenalan berkaitan al-Quran al-karim yang menjadi data utama pencarian *ism fi'l* yang dijalankan dalam kajian ini. Seterusnya gambaran umum tentang *ism fi'l* yang terdapat di dalam al-Quran turut disentuh. Selain itu, penulis turut membincangkan beberapa pandangan para ilmuwan dan para nahuwan berhubung ayat-ayat al-Quran yang menggunakan *ism fi'l*.

### **3.1 Al-Quran al-Karim Sumber Ilmu-Ilmu Islam dan Bahasa Arab**

Al-Quran al-karim ialah *kalamullah* yang menggunakan medium bahasa Arab. Ia merupakan mukjizat terbesar dianugerahkan kepada nabi Muhammad s.a.w. Tiada sesiapapun mampu menghasilkan sesuatu seumpama keunggulan al-Quran. Sesungguhnya amat benarlah kedatangan al-Quran adalah sebagai mukjizat dengan nasnya yang mencabar manusia dan jin untuk membawa seumpamanya, namun tiada seorang pun yang berkemampuan berbuat demikian.

**٩٣- قُل لَّئِنْ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُونَ وَالْجِنُّ عَلَى أَن يَأْتُوْنَ بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِيَعْضُ**

<sup>93</sup> al-Quran, *al-Isra'* 17 :88

Maksudnya:

*“Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu membantu sesama sendiri.”*

Terlalu besar untuk mengungkapkan sumbangan al-Quran terhadap umat manusia sejak zaman berzaman. Antaranya Hassan Dia’uddin,<sup>94</sup> menyatakan jika tidak kerana al-Quran, orang Arab tidak terkeluar dari kepompong mereka. Al-Quran yang menjadikan petunjuk kepada sekalian alam, membina kemajuan Islam dan insan. Al-Quran juga menghidupkan hati-hati yang mati dan mengeluarkan dari kesesatan, kehinaan, kejahanatan, kelemahan, bebanan dan kejahilan.

### **3.2 *Ism Fi'l* Yang Terdapat Dalam al-Quran**

Meskipun pada bab sebelum ini telah dinyatakan pelbagai jenis bentuk dan jenis *ism fi'l* namun sebenarnya, tidak semua *ism fi'l* terdapat dalam al-Quran. Malahan, penggunaannya ketara pada syair, sajak Arab dan teks Arab selain al-Quran. Walau bagaimanapun, *ism fi'l* tetap mempunyai peranannya yang tersendiri yang boleh dilihat pada kalam Allah ini.

---

<sup>94</sup> Hassan Dia’uddin. *Al-Mukjizat al-Khalidat*, Dar Ibn Hazam, Beirut. 1989.hlm 390.

Berikut ialah *ism fi'l* yang didapati dalam al-Quran al-karim serta beberapa pandangan ilmuwan termasuk ulama tafsir dan para nahuwan berhubung makna dan penggunaan jenis perkataan tersebut.

### 1) *Al-Maidat :105*

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِذَا آتَيْتُمْ أَنفُسَكُمْ لَا يَضُرُّكُمْ مَنْ ضَلَّ إِذَا هَتَّدَيْتُمْ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ حَيْثُماً فَيُبَيِّنُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! **Jagalah sahaja diri kamu**(dari melakukan sesuatu yang dilarang Allah). Orang-orang yang sesat tidak akan mendatangkan mudarat kepada kamu apabila kamu sendiri telah mendapat hidayah petunjuk (taat mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan laranganNya). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, kemudian. Dia akan menerangkan kepada kamu (balasan) apa yang kamu telah lakukan.”

Berhubung dengan ayat di atas, عَلَيْكُم pada ayat tersebut bermakna لِلْزَمْ.<sup>95</sup> Seterusnya, merujuk Muhyiddin al-Darwish, *ism fi'l amr manqul* bermakna kimestian.<sup>96</sup>

Ahmad Bin Muhammad al-Sawiy juga menyatakan عَلَيْكُم pada ayat tersebut bermakna إِلَيْنُوكُم.<sup>97</sup>

<sup>95</sup> Imil Badi' Ya' qub, *Mawsu'at al-Nahw wa al-Sarf wa al-I'rab*, Dar al-'Ilm li al-Milyin, Beirut, 1988. hlm 466.

<sup>96</sup> Lihat: Muhyiddin al-Darwish, *I'rab al-Quran wa Bayanuhu*, Dar Ibn Kathir, Beirut, 2002. hlm 305.

Begitu juga al-Zajjaj yang memberi makna عَلَيْكُمْ أَنْفُسُكُمْ sebagai peliharalah diri kamu<sup>98</sup> sepetimana yang ditakrifkan Wahbah al-Zuhailiyy yang juga mentafsirkan makna عَلَيْكُمْ أَنْفُسُكُمْ sebagai peliharalah diri kamu semua.<sup>99</sup>

Melalui firman Allah tersebut, penulis mendapati bahawa عَلَيْكُمْ merupakan jenis *ism fi'l amr* yang menunjukkan perintah wajib yang maknanya di sini ialah suatu kemestian ke atas diri (kamu). Ia juga adalah suatu arahan yang mesti dilaksanakan iaitu dengan mengelak daripada melakukan perkara yang dilarang oleh Allah.

## 2) *Al-An'am :150*

فُلُّ هَلْمٌ شُهَدَاءُكُمُ الَّذِينَ يَشْهَدُونَ أَنَّ اللَّهَ حَرَمَ هَذَا فَإِنْ شَهِدُوا فَلَا تَشْهُدْ مَعْهُمْ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ كَذَّبُوا  
بِآيَاتِنَا وَالَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالآخِرَةِ وَهُمْ بِرَبِّهِمْ يَعْدِلُونَ

Maknanya:

"Katakanlah: "Bawalah saksi-saksi kamu memberi keterangan bahawa Allah mengharamkan (benda-benda yang kamu haramkan ini)." Kemudian jika mereka (tergamak) menjadi saksi (secara dusta), maka janganlah engkau turut sama membenarkan mereka; dan janganlah engkau turut hawa nafsu orang-orang yang mendustakan ayat-ayat keterangan Kami, dan orang-orang yang tidak beriman kepada hari akhirat, sedang mereka pula menyamakan (sesuatu yang lain) dengan Tuhan mereka."

<sup>97</sup> Lihat: Dalam Ali Muhammad al-Diba', *Hashiat Ahmad Bin Muhammad al-Sawi al-Maliki al-Khalawani 'ala Tafsir al-Jalalayn*, Shirkat Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Bani al-Hilbi wa awladihi, Mesir, 1941. hlm 291.

<sup>98</sup> Al-Zajjaj. *i'rab al-Quran*. Al-Hai'at al-'Ammat li Shu'un al-Matabi' al-Amiriyyat, Kaherah, 1963. hlm 152.

<sup>99</sup> Wahbah al-Zuhailiyy, *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidat wa al-Shari'at wa al-Manhaj*. Dar al-Fikr, Beirut. 1998.hlm 71.

Pada ayat tersebut, Imil Badi‘ Ya‘qub menjelaskan هَلْمٌ sebagai perkataan yang bermakna أَخْضِرُوا (bawalah, datangkanlah). Di sini, هَلْمٌ ialah *ism fi'l amr mabniyy* dengan baris atas...Menurut ahli Hijaz perkataan هَلْمٌ antara *ism fi'l* yang kedudukannya sama ketika *mufrad*, *muthanna*, *jamak*, *maskulin* dan *feminin*. Bagi ahli Najd pula, ia adalah kata kerja perintah yang *diilhaq* dengan *damir-damir* menjadi: هَلْمُوا , هَلْمَى , هَلْمَمَا , هَلْمَمَى dan هَلْمُمْنَ . Walau bagaimanapun, menurut beliau bahasa ahli Hijaz yang paling fasih sepermima kata tersebut terdapat dalam al-Quran iaitu قُلْ هَلْمٌ شُهَدَاءُكُم<sup>100</sup>.

Pendapat Imil Badi‘ Ya‘qub berkait dengan bahasa Hijaz selaras dengan Ahmad Bin Muhammad al-Sawiy yang menerangkan bahawa terdapat dua bahasa bagi makna kata tersebut iaitu bahasa ahli al-Hijaz yang tidak memasukkan sesuatu tanda pada هَلْمٌ yang mana ia merupakan lafaz yang sama digunakan sama ada untuk *maskulin*, *feminin*, *muthanna* dan *jamak*. Al-Quran mendatangkan kata tersebut sebegitu. Justeru itu, ia adalah *ism fi'l* bermakna datangkanlah. Manakala bahasa Tamim memasukkan tanda-tanda pada kata هَلْمٌ kepada هَلْمُوا , هَلْمَى , هَلْمَمَا , هَلْمَمَى , هَلْمُمْنَ . Bagi bahasa Tamim ia adalah kata kerja perintah.<sup>101</sup>

Merujuk ayat tersebut, Abu al-Barakat bin al-Anbariyy, menyatakan asal هَلْمٌ ialah هَاءُ الْمَمْ ، di mana *hamzah wasal* dibuang daripada الم ...maka terkumpul dua huruf mati iaitu *alif* pada هَاءُ و *lam* pada الم ، maka dibuang *alif* pada هَاءُ kerana pertemuan dua tanda mati, bertemu pula baris hadapan bagi *mim* pertama terhadap *lam* lalu diidghamkan *mim* pertama pada *mim* kedua dan ditariskan *mim* kedua kerana pertemuan dua tanda

<sup>100</sup> Imil Badi‘ Ya‘kub, *Mawsu‘at al-Nahw wa al-Sarf wa al-i‘rab*, Dar al-‘Ilm li al-Milyin, Beirut, 1988. hlm 701.

<sup>101</sup> Lihat: Dalam Ali Muhammad al-Diba‘. *Hashiat Ahmad Bin Muhammad al-Sawi al-Maliki al-Khalawani ‘ala Tafsir al-Jalalayn*. Shirkat Maktabat wa Matba‘at Mustafa al-Bani al-Hilbi wa awladihi, 1941.hlm 51.

mati dengan baris atas kerana ia merupakan baris paling ringan maka jadilah هَلْمٌ. Nahuwan Kufah pula berpendapat هَلْمٌ terungkap daripada هلْمٌ dan أَمْ dan mereka tidak maksudkannya dengan هلْمٌ yang bermakna pertanyaan.<sup>102</sup>

Muhyiddin al-Darwish menjelaskan هَلْمٌ sebagai perkataan bermakna permohonan terhadap sesuatu yang menjadi suatu kemestian, kadang-kadang ia digunakan untuk transitif seperti هَلْمٌ شَهَدَاءُكُمْ iaitu : Datangkanlah, yang merupakan antara *ism fi'l* yang sama kedudukannya ketika satu dan jamak, ketika maskulin dan feminin dan ada yang menjadikannya kata kerja yang disertai dengan *damir* lalu menjadi هَلْمًا ketika *muthanna*, ketika feminin menjadi هَلْمِيٍّ, ketika *jamak muzakkar* : هَلْمُوا dan *jamak muannath*: هَلْمُمْنَ. Namun bagi beliau lebih tepat هَلْمٌ.<sup>103</sup>

Wahbah al-Zuhailiyy menjelaskan<sup>104</sup> perkataan هَلْمٌ sebagai *ism fi'l amr* bermakna: datangkanlah (bawalah), yang sama bentuknya ketika satu, jamak, maskulin dan feminin menurut ahli Hijaz. Bani Tamim pula menta'nihkan dan menjamakkan sepetimana yang telah dijelaskan oleh Ahmad Bin Muhammad al-Sawiy.

Berdasarkan firman Allah di atas, penulis berpendapat هَلْمٌ termasuk dalam kategori *ism fi'l amr* yang mana polanya adalah tetap; tidak sesekali berubah dalam mana-mana situasi serta *mabniyy* dengan baris atas. Ia digunakan dalam pola yang sama tanpa merujuk bilangan individu ataupun gender.

<sup>102</sup> Abu al-Barakat bin al-Anbariyy. *Al-Bayan fi Gharib I'rab al-Quran*. Dar al-Katib al-Arabiyy li al-Tabaat wa al-Nashr, Kaherah, 1969. hlm 348.

<sup>103</sup> Lihat: Muhyiddin al-Darwish, *I'rab al-Quran wa Bayanuhu*, Dar Ibn Kathir, Beirut, 2002. hlm 486.

<sup>104</sup> Wahbah al-Zuhailiyy, *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidat wa al-Shari'at wa al-Manhaj*. Dar al-Fikr, Beirut. 1998.hlm 87.

### 3) Yunus :28

وَيَوْمَ نَخْرُقُهُمْ جَمِيعاً ثُمَّ نَقُولُ لِلَّذِينَ أَشْرَكُوا مَكَانِكُمْ أَنْتُمْ وَشَرَكَاؤُكُمْ فَرِيقُنَا بَيْنَهُمْ وَقَالَ شَرَكَاؤُهُمْ مَا كُنْتُمْ إِلَيْنَا تَعْبُدُونَ

Maksudnya:

“Dan (ingatlah) masa Kami himpukkan mereka semua (pada hari kiamat) kemudian Kami berfirman kepada orang-orang musyrik: “**Tunggulah di tempat kamu semua, kamu dan makhluk-makhluk yang kamujadikan sekutu.**” Sesudah itu Kami putuskan perhubungan baik di antara mereka. Dan berkatalah makhluk-makhluk yang mereka sembah itu (sebagai berlepas diri): “Bukanlah kami yang kamu puja dan taati, (sebenarnya kamu hanya memuja dan mentaati hawa nafsu kamu sendiri)!”

Merujuk ayat tersebut, Abu al-Barakat bin al-Anbariyy menjelaskan bahawa perkataan مَكَانِكُمْ di sini ialah antara *ism fi'l* iaitu kata nama untuk makna الْأَنْزَمْ, sepetimana مَعْنَى untuk أَنْفُسْ dan صَنْهْ kata nama untuk أَسْكُنْ. Fonem *nun mabniyy* dengan *fathat* kerana ia menjadi posisi kata nama perintah.<sup>105</sup>

Melihat kepada al-Zajjaj pada firman Allah مَكَانِكُمْ أَنْتُمْ وَشَرَكَاؤُكُمْ tersebut, ia adalah *mabniyy* dan tidak *mu'rab* kerana ia menjadi *ism fi'l* sepetimana صَنْهْ هِرْمَمْ dan seumpamanya.<sup>106</sup>

<sup>105</sup> Abu al-Barakat bin al-Anbariyy. *Al-Bayan fi Gharib I'rab al-Quran*. Dar al-Katib al-Arabiyy li al-Tabaat wa al-Nashr, Kaherah, 1969. hlm 411.

<sup>106</sup> Al-Zajjaj. *I'rab al-Quran*. Al-Hai'at al-'Ammat li Shu'un al-Matabi' al-Amiriyyat, Kaherah, 1963. hlm 147.

Bagi Wahbah al-Zuhailiyy perkataan مَكَانُكُمْ *ism fi'l* untuk makna mesti, sepetimana مَهْ bermakna berhenti (diamlah) dan صَهْ kata nama untuk makna : diamlah!. Nun pada مَكَانُكُمْ berbaris atas dan *mabniyy* kerana ia berperanan sebagai kata kerja perintah. Beliau juga menyatakan makna di sebalik firman Allah tersebut ialah makna peringatan dan ancaman.<sup>107</sup>

Melalui firman Allah tadi, didapati bahawa مَكَانُكُمْ pada kedudukan tersebut selamanya diakusatifkan pada fonem *nun* menunjukkan cirinya sebagai *ism fi'l* yang tidak fleksi.

#### 4) Yusof :23

وَرَأَوْدَتْهُ الَّتِي هُوَ فِي بَيْنِهَا عَنْ تَقْسِيهِ وَغَلَقَتِ الْأَبْوَابَ وَقَالَتْ هَيْتَ لَكَ قَالَ مَعَادُ اللَّهِ إِنَّهُ رَبِّي أَحْسَنَ مُثْوَايِ  
إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ

Maknanya:

“Dan perempuan yang Yusuf tinggal di rumahnya, bersungguh-sungguh memujuk Yusuf berkehendakkan dirinya; dan perempuan itu menutup pintu-pintu serta berkata: “Marilah ke mari, aku bersedia untukmu.” Yusuf menjawab: “Aku berlindung kepada Allah (dari perbuatan yang keji itu); sesungguhnya Tuhanku telah memeliharaku dengan sebaik-baiknya; sesungguhnya orang-orang yang zalim tidak akan berjaya.”

---

<sup>107</sup> Lihat: Wahbah al-Zuhailiyy, *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidat wa al-Shari'at wa al-Manhaj*. Dar al-Fikr, Beirut. 1998.hlm 157-158.

Ali Muhammad al-Diba‘ dalam tafsir Jalalayn, menyebut هَيْتَ لَكَ ataupun هَلْمٌ .

Fonem *lam* sebagai penjelas dan terdapat bacaan yang membariskan *ha'* dengan baris bawah dan ada juga dengan baris hadapan.<sup>108</sup> Al-Asfahani menyebut<sup>109</sup> هَيْتَ dekat dengan makna هَلْمٌ seperti pendapat Ali Muhammad al-Diba‘.

Bagi Ahmad Bin Muhammad al-Sawiyy pula, fonem *ha'* dan *ta'* ditarik dengan baris atas seperti kata كَيْفَ. Beliau juga menjelaskan apa yang dinyatakan pada tafsir Jalalayn yang menyebut membariskan fonem *ha'* dengan baris bawah iaitu dengan keadaan *ta'* berbaris atas seperti kata قَيْلَنْ. Manakala yang dimaksudkan dengan *ta'* ditarik dengan baris hadapan pula iaitu dalam keadaan fonem *ha'* ditarik dengan baris atas seperti kata حَيْثُ. Dengan itu, terdapat tiga bacaan manakala baki dua yang lain ialah هَنْتَ iaitu fonem *ha'* berbaris bawah, fonem *hamzat* bertanda mati dan *ta'* berbaris atas atau hadapan.

Al-Zajjaj menyatakan terdapat pendapat yang menyebut هَيْتَ لَكَ bermakna هَلْمٌ . Bacaan ahli Madinah ialah هَيْتَ لَكَ dengan *ha'* berbaris bawah dan *ta'* berbaris atas. Ia ialah *ism fi'l*. Perkataan لَكَ pada situasi ini untuk *tabyin*....<sup>110</sup>

Seterusnya, apabila melihat kepada penggunaan هَيْتَ لَكَ di dalam al-Quran, terdapat beberapa perbezaan pendapat para nahuwan berhubung lafaz tersebut: Adakah ia bahasa Arab atau *muarrabat* (bahasa asing yang dimasukkan kepada bahasa Arab).

<sup>108</sup> Lihat: Dalam Ali Muhammad al-Diba‘. *Hashiat Ahmad Bin Muhammad al-Sawiyy al-Maliki al-Khalawani ‘ala Tafsir al-Jalalayn*. Shirkat Maktabat wa Matba‘at Mustafa al-Bani al-Hilbi wa awladihi, 1941.hlm 223.

<sup>109</sup> Al-Asfahani. *Mufradat Alfaz al-Quran*. Al-Dar al-Shamiyyat, Beirut, 1992. hlm 847.

<sup>110</sup> Al-Zajjaj. *i'rab al-Quran*. Al-Hai'at al-'Ammat li Shu'un al-Matabi' al-Amiriyyat, Kaherah. 1963.

Maka ada pendapat menyebut ia *muarrabat* dari bahasa Qibti bermakna هُلْمَ لَكَ.

Ada juga pendapat menyatakan ia dari bahasa Siryaniyat, sepetimana dinyatakan Ibn Abbas dan al-Hassan. Dikatakan juga ia bahasa Ibrani berasal dari هِيَتْلَخ bermakna marilah dan kemudianya dijadikan bahasa Arab oleh al-Quran, yang disebut oleh Abu Zaid al-Ansari...Jumhur berpendapat perkataan tersebut memang asal bahasa Arab.<sup>111</sup>

Walaupun terdapat perbezaan dari aspek baris dan sebutan pada هِيَت bagi sesetengah pandangan, penulis cenderung berpendapat هِيَت ialah *ism fi'l amr* yang selamanya berbaris atas berdasarkan kepada هِيَت pada firman Allah tersebut.

### 5) *Al-Isra':23*

وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبْلُغُنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحْدُهُمَا أَوْ كِلَّهُمَا فَلَا تَقْلِيلٌ لَّهُمَا أُفْ<sup>ۢ</sup>  
وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَّهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Maksudnya:

"Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai ke umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun **perkataan 'ha'**, dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)."

<sup>111</sup> Ahmad bin Yusuf, *Al-Durr al-Masun fi 'Ulum al-Kitab al-Maknun* - Dar al-Falah, Damsyik, 1987, hlm 463.

Perkataan أَفْ sama ada fonem *fa'* ditarik dengan baris atas atau bawah, *tanwin* atau tidak ialah *masdar* yang bermakna نَسْنَا (bau busuk) dan فُبْحًا (buruk,keji). Walau bagaimanapun, yang paling jelas ialah dengan menyatakan bahawa أَفْ *ism fi'l mudari'*.<sup>112</sup>

Menurut Imil Badi' Ya'qub أَفْ ialah *ism fi'l mudari'* bermakna أَنْصَرْ (saya berasa tidak senang) dan أَتَكْرَهْ (saya membenci) sepetimana yang terdapat pada ayat di atas. أَفْ pada ayat tersebut berada dalam kedudukan *mabniyy* dengan baris bawah yang zahir. Pelakunya adalah *damir mustatir* yang ditakdirkan sebagai : kamu (lelaki).<sup>113</sup>

Merujuk Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim, beliau menyatakan<sup>114</sup> Ibn Kathir, Ibn 'Amir dan Ya'qub membaca فَلَا تَفْلِئُ لِمَنْ أَفْ dengan membariskan fonem *fa'* dengan baris atas. Seperti kata: مَدْ نافِي' dan Hafs membaca dengan baris *tanwin* أَفْ begitu juga pada surah *al-Anbiya'* dan *al-Ahqaf*. Manakala yang lain-lain membaca dengan أَفْ dengan baris bawah tanpa ditanwinkan. Abu Mansur menyatakan bahawa bentuk-bentuk bacaan yang dibacakan ini kesemuanya adalah harus dan fasih dan tiada ikhilaf di kalangan para nahuwan dalam keharusannya dan kebenarannya.

Abu al-Baq'a' telah menyatakan pada firman Allah yang disebut tadi terdapat pendapat-pendapat seperti berikut:

- 1) Ia adalah *ism fi'l amr*; maknanya elakkanlah, tinggalkanlah.

<sup>112</sup> Lihat: Dalam Ali Muhammad al-Diba'. *Hashiat Ahmad Bin Muhammad al-Sawyyi al-Maliki al-Khalawani 'ala Tafsir al-Jalalayn*. Shirkat Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Bani al-Hilbi wa awladih, 1941.hlm 323.

<sup>113</sup> Imil Badi' Ya'qob, *Mawsu'at al-Nahw wa al-Sarf wa al-i'rab*, Dar al-'Ilm li al-Milyin, Beirut, 1988. hlm 122.

<sup>114</sup> Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim. *Al-Itqan fi 'Ulum al-Quran lil hafiz Jalaluddin Abd Rahman al-Sayuti*. Al-Maktabat al-'Isriyyat, Beirut, 1988. hlm 254.

2) Ia adalah *ism fi 'il madi*; maknanya benci, membentak.

3) Terdapat pendapat ketiga menyatakan ia sebagai *ism fi 'l mudari'* bermakna أَنْضَجَرُ (saya berasa tidak senang).

Kesimpulannya penulis mendapati bahawa perkataan أَفْ menggambarkan suatu perasaan tidak suka terhadap sesuatu perkara dan Allah melarang mengungkapkannya kepada kedua ibu bapa sekalipun hanya satu perkataan tersebut kerana ia bukanlah suatu amalan yang baik sepertimana yang terdapat pada firman Allah tersebut. Selain itu, أَفْ termasuk kategori *ism fi 'l mudari'* yang *mabniyy* dengan baris *tanwin* sepertimana yang tertera di dalam al-Quran al-karim.

#### 6) *Al-Anbiya':67*

أَفْ لَكُمْ وَلِمَا تَعْبُدُونَ مِنْ دُوْنِ اللَّهِ أَفْلَأَ تَعْقِلُونَ

Maknanya:

*“Jijik perasaanku terhadap kamu dan apa yang kamu sembah selain Allah! Mengapa kamu tidak mahu menggunakan akal fikiran kamu?”*

Ali Muhammad al-Diba‘ menyatakan perkataan أَفْ sama ada fonem *fa'* diberikan dengan baris atas atau bawah, tanwin atau tidak ialah *masdar* bermakna نَسْأا (sesuatu yang kotor dan buruk).<sup>115</sup>

<sup>115</sup> Lihat: Dalam Ali Muhammad al-Diba‘. *Hashiat Ahmad Bin Muhammad al-Sawi al-Maliki al-Khalawani 'ala Tafsir al-Jalalayn*. Shirkat Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Bani al-Hilbi wa awladihi, 1941.hlm 76.

Wahbah al-Zuhailiyy pula menjelaskan أَفْ sebagai suara bermaksud tidak senang bermakna: busuk dan buruk, digunakan untuk menunjukkan bahawa penuturnya tidak senang hati dan yang dimaksudkan di sini Nabi Ibrahim a.s tidak senang atau meluat dengan kaumnya yang dalam kesesatan yang nyata.<sup>116</sup>

Sesungguhnya, penggunaan أَفْ dalam ayat ini jelas menggambarkan ketidaksenangan Nabi Ibrahim a.s terhadap situasi kaumnya yang masih tidak berubah dan hidup dalam kesesatan. أَفْ dalam ayat ini termasuk kategori *ism fi'l mudari'* dan berbaris *tanwin* (أَفْ) sepertimana bentuknya di dalam surah *Al-Isra'*:23 yang telah disentuh penulis sebelum ini.

#### 7) *al-Mu'minun* :36

هَيْهَاتٌ هَيْهَاتٌ لِمَا تُوعَدُونَ

Maknanya:

“**Jauh, amat jauhlah** (dari kebenaran) apa yang dijanjikan kepada kamu itu!”

Apabila merujuk kepada beberapa pandangan, keseluruhannya memberikan makna yang sama bagi perkataan هَيْهَاتٌ sepertimana yang dijelaskan Ali Muhammad al-Diba' perkataan هَيْهَاتٌ dalam surah *al-Mu'minun* sebagai *ism fi'l madi* bermakna *masdar* bagi makna: jauh, jauh.

---

<sup>116</sup> Wahbah al-Zuhailiyy, *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidat wa al-Shari'at wa al-Manhaj*. Dar al-Fikr, Beirut, 1998. hlm 83.

Abu al-Qasim al-Husin bin Ahmad juga menyatakan هَيْهَات merupakan perkataan yang digunakan untuk makna jauh dari sesuatu sepertimana yang terdapat pada firman Allah هَيْهَات هَيْهَات لِمَا ثُوَّعْدُونَ...<sup>117</sup>

Imil Badi‘ Ya‘qub pula menyebut هَيْهَات, هَيْهَات, هَيْهَات. Merujuk ayat di atas, beliau turut menjelaskan هَيْهَات sebagai *ism fi'l madi* bermakna jauh.<sup>118</sup>

Abu Mansur Muhammad bin Ahmad al-Azhariyy menjelaskan<sup>119</sup> ramai bersepakat bahawa fonem *ta'* berbaris di atas. Manakala al-Kisa’iyy berpandangan هَيْهَاه ialah هَيْهَات. Yang lain-lain ada yang berpendapat fonem *ta'* berbaris di atas dan ada juga bersetuju dengan pendapat al-Kisa’iyy iaitu dengan fonem *ha'*. Ibn Mansur berkata:

*“Apa yang dinyatakan oleh al-Kisa’iyy yang berhenti pada kedua-dua kata tersebut dengan fonem ha’ kerana kedua-dua fonem ta’ pada asalnya ialah fonem ha’, bila berbaris ia kembali menjadi ta’, ketika berhenti ia menjadikan fonem ha’ seumpama feminin seperti fonem ha’ pada kata rahmat, solat, hasanat...”*

Kesimpulannya, perkataan هَيْهَات pada firman Allah tersebut menurut pendapat penulis ialah *ism fi'l madi* bermakna amat jauh dan berbaris atas. Walaupun terdapat tiga bentuk bacaan bagi pandangan yang lain, namun bagi penulis perkataan tersebut tiada khilaf dari aspek semantik.

<sup>117</sup> Lihat: Abu al-Qasim al-Husin bin Ahmad. *Al-Mufradat fi Gharib al-Quran*. Shirkat Maktabat wa Matba‘at Mustafa al-Bani al-Hilbi wa awladihhi, Mesir, 1961.

<sup>118</sup> Imil Badi‘ Ya‘ cub, *Mawsu‘at al-Nahw wa al-Sarf wa al-i‘rab*, Dar al-‘Ilm li al-Milyin, Beirut, 1988. hlm 706.

<sup>119</sup> Abu Mansur Muhammad bin Ahmad al-Azhariyy. *Kitab Ma‘ani al-Qiraat*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat, Beirut. 1999. hlm 325.

## 8) al-Qasas: 82,82

أَصْبَحَ الَّذِينَ تَمَنُوا مَكَانَةً بِالْأَمْسِ يَقُولُونَ وَيُنَكَّانُ اللَّهُ يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَوْلَا أَنْ مَنْ  
اللَّهُ عَلَيْنَا حَسَفٌ بِنَا وَيُنَكَّانُ لَا يُفْلِحُ الْكَافِرُونَ

Maknanya:

*“Dan orang-orang yang pada masa dahulu bercita-cita mendapat kekayaan seperti Qarun-mulai sedar sambil berkata: “Wah! Sesungguhnya Allah memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakiNya dari hamba-hambaNya, dan Dia jugalah yang menyempitkannya. Kalau tidak kerana Allah memberi pertolongan kepada kita tentulah kita akan dibinasakan dengan tertimbus di dalam tanah (seperti Qarun). Aduhai! Sesungguhnya orang-orang yang kufurkan nikmat Allah tidak akan berjaya!”*

Berikut ialah antara mazhab berkait dengan firman Allah taala : يُنَكَّانُ اللَّهُ yang dinyatakan oleh Ahmad Bin Muhammad Al-Sawiy, iaitu:<sup>120</sup>

- 1)      وَيْلَكَ adalah kata tersendiri manakala fonem *kaf* ialah fonem *khitab...wakaf* pada perkataan وَيْلَكَ adalah bacaan Abu Amru.
- 2)      Asalnya ialah وَيْلَكَ , dibuang fonem *lam* sementara diwakafkan pada fonem *kaf* juga.
- 3)      وَيُنَكَّانُ ialah perkataan mudah memberi makna: “أَمَّ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يَبْسُطُ الرِّزْقَ ”

---

<sup>120</sup> Lihat: Dalam Ali Muhammad al-Diba'. *Hashiat Ahmad Bin Muhammad al-Sawi al-Maliki al-Khalawani 'ala Tafsir al-Jalalayn*. Shirkat Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Bani al-Hilbi wa awladihi. 1941.hlm 213-214.

Abu al-Qasim al-Husin bin Ahmad menyatakan وَيْ ialah perkataan disebut untuk menunjukkan kerugian dan kekesalan. Beliau menyatakan contoh situasi ini sepetimana yang tertera pada firman Allah yang disebut di atas.<sup>121</sup>

Al-Asfahaniy, menjelaskan perkataan وَيْ disebut untuk makna keluhan, kekesalan dan hairan. Situasi ini boleh dilihat pada firman Allah di atas.<sup>122</sup> Manakala Ibn Hisham menjelaskan وَيْ كَأَنَّ لَا يُفْلِحُ الْكَافِرُونَ bermakna kejutan. Pada firman Allah وَيْ beliau menyatakan maksud firman tersebut ialah sebagai gertakan bahawa orang kafir tidak akan berjaya.<sup>123</sup>

Perkataan وَيْ merupakan perkataan menunjukkan rasa kehairanan pada sesuatu keadaan. Ia boleh digabung dengan كَأْنْ yang bersifat ringan atau كَأْنَّ yang bertashdid. Walaupun perkataan كَأْنْ sering kali digunakan atau dikaitkan dengan *tashbih*, penulis berpandangan bahawa ia sekadar memberi makna penegasan dalam situasi *ism fi'l*. Selain itu, وَيْ juga boleh bersambung dengan *kaf khitab*.

## 9) *Al-Ahzab :18*

قَدْ يَعْلَمُ اللَّهُ الْمُعَوَّقِينَ مِنْكُمْ وَالْقَائِلِينَ لِإِخْوَانِهِمْ هَلْمٌ إِلَيْنَا وَلَا يَأْتُونَ الْبَأْسَ إِلَّا فَيَلَّا

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah mengetahui akan orang-orang (*munafik*) yang menghalangi di antara kamu, dan orang-orang yang berkata kepada saudara-saudaranya: “Marilah

<sup>121</sup> Abu al-Qasim al-Husin bin Ahmad. *Al-Mufradat fi Gharib al-Quran*. Shirkat Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Bani al-Hilbi wa awladihi, Mesir, 1961. hlm 535.

<sup>122</sup> Al-Asfahani, *Mufradat Alfaaz al-Quran*, Al-Dar al-Shamiyyat, Beirut, 1992. hlm 888.

<sup>123</sup> Lihat: Ibn Hisham al-Ansariyy al-Misriyy, *Qatr al-Nada wa Ballu al-Sada*, Dar al-Kutub, 1992. hlm 361.

*bersatu dengan kami”, sedang mereka tidak turut berperang melainkan sebentar sahaja.”*

Ahmad Bin Muhammad pula mendedahkan هَلْمٌ<sup>124</sup> ialah *ism fi'l* dan polanya sentiasa sama ketika *mufrad*, *muthanna*, jamak, maskulin dan feminine menurut ahli Hijaz. Bagi Tamim هَلْمٌ kata kerja perintah yang diselit dengan tanda-tanda yang menunjukkan sama ada *tasniyyat*, jamak, dan feminine.<sup>124</sup>

Abu al-Qasim al-Husin bin Ahmad menjelaskan **هُلْمٌ** sebagai permintaan terhadap sesuatu. Terdapat dua pendapat berhubung perkataan ini:<sup>125</sup>

- 1) Perkataan **هَلْمٌ** berasal daripada pengucapan mereka: **لَمْ مُثُّ الشَّيْءِ**. Perkataan **هَلْمٌ** daripada pengucapan mereka: **لَمْ مُثُّ الشَّيْءِ** iaitu dibuang alif lalu menjadi **هَلْمٌ**. Terdapat pendapat menyebut **مِنْكُمْ وَالْقَائِلِينَ لِإِخْوَانِهِمْ هَلْمٌ** berasal daripada **هَلْمٌ**. Berhubung dengan ayat **هَلْمٌ** berhubung dengan ayat **هَلْمٌ** **إِلَيْنَا** pula beliau menjelaskan bahawa terdapat penggunaan **هَلْمٌ** sama ada ketika keadaanya *tasniyyat* dan jamak dengan bentuk begitu sepetimana yang terdapat di dalam al-Quran.

2) Terdapat juga pendapat yang menyatakan **هَلْمٌ** sebagai **هَلْمُوا**, **هَلْمًا** **هَلْمَى**, **هَلْمُمَى** dan **هَلْمُمَى** (mengikut keadaan).

<sup>124</sup> Lihat: Dalam Ali Muhammad al-Diba'. *Hashiat Ahmad Bin Muhammad al-Sawi al-Maliki al-Khalawani 'ala Tafsir al-Jalalayn*, Shirkat Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Banī al-Hilbi wa awladihī, 1941 blm 255.

<sup>125</sup> Abu al-Qasim al-Husin bin Ahmad, *Al-Mufradat fi Gharib al-Quran*. Mesir: Shirkat Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Bani al-Hilbi wa awladihhi. 1941, hlm 255.

Al-Zajjaj juga menjelaskan bahawa ada dua pendapat: Pertama, pendapat ahli Hijaz, sepetimana terdapat pada al-Quran di mana kesemua situasi sama ada ketika *mufrad*, *muthanna*, jamak, maskulin mahupun feminin lafaznya tetap sama, tidak terlihat pada lafaz tersebut tanda-tanda *tasniyyat* dan jamak sepetimana firman Allah ﷺ ﴿إِنَّا هَلْمٌ﴾ yang berada pada kedudukan رُؤيْدَ ، صَهْ مَهْ و seumpamanya iaitu kata nama yang dinamakan sebagai kata kerja yang menggunakan bentuk yang sama untuk satu, jamak, maskulin dan feminin.<sup>126</sup>

Al-Asfahani menjelaskan ﷺ ialah seruan, panggilan terhadap sesuatu. Terdapat dua pendapat berkait dengan perkataan ini. Pertama, asal perkataan tersebut ialah هَمْ (ini pendapat al-Khalil bin Ahmad)...dibuang fonem alif lalu menjadi هَلْم. Ada pendapat mendedahkan asal perkataan tersebut ialah هَلْأَمْ seakan-akan menyatakan: هَلْأَمْ فِي كَذَا أَمَّهْ قصده هَلْأَمْ kemudian dijadikan ungkapan .<sup>127</sup> Situasi ini sepetimana yang telah dijelaskan oleh Abu al-Qasim al-Husin bin Ahmad sebelum ini.

Melihat firman Allah ﷺ ﴿وَالْفَائِلِينَ لِإِخْرَاجِهِمْ هَلْمٌ إِلَيْنَا﴾ terdapat pandangan yang membiarkan perkataan هَلْمٌ berada pada kedudukannya juga ketika *tasniyyat* dan jamak, sepetimana yang terdapat dalam dalam al-Quran, terdapat juga di kalangan mereka yang menyebut: هَلْمُمَنْ هَلْمُمَيْ هَلْمُمَوا.

Diperhatikan bahawa ketiga-tiga ilmuwan di atas membincangkan dua pendapat yang sama yang mana penggunaan هَلْمٌ dalam bentuk yang sama pada semua situasi dan ada juga penggunaannya yang berubah mengikut situasi gender dan kuantiti.

<sup>126</sup> Al-Zajjaj, *i'rab al-Quran*, Al-Hai'at al-'Ammat li Shu'un al-Matabi' al-Amiriyyat, Kaherah, 1963.

<sup>127</sup> Lihat: Al-Asfahani, *Mufradat Alfaz al-Quran*, Al-Dar al-Shamiyyat, Beirut, 1992. hlm 844-845.

Wahbah al-Zuhailiyy tidak membincangkan dengan panjang lebar pada perkataan هَلْمٌ dalam ayat di atas sebaliknya hanya mendedahkan makna هَلْمٌ إِلَيْنَا sebagai marilah, marilah kepada kami atau dekatilah dirimu dengan kami.<sup>128</sup>

Merujuk firman Allah s.wt. di atas juga, berbeza dengan هَلْمٌ pada surah *al-An'am*, penulis mendapati هَلْمٌ pada surah *al-Ahzab* ialah perkataan tidak transitif manakala pada surah *al-An'am* ia menjadi transitif kerana memerlukan kepada objek iaitu شُهَدَاءُكُمْ yang bermakna أَخْضِرُوهُمْ . Manakala pada surah *al-Ahzab* ia bermakna أَخْضِرُوا dan تَعَالَوْا . Walau bagaimanapun, هَلْمٌ pada kedua-dua situasi termasuk dalam kategori *ism fi'l amr mabniyy* dengan baris atas.

#### 10) *Al-Ahqaf* :17

وَالَّذِي قَالَ لِوَالِدَيْهِ أَفَ لَكُمَا أَتَعِدَانِي أَنْ أُخْرَجَ وَقَدْ خَلَتُ الْقُرُونُ مِنْ قَبْلِي وَهُمَا يَسْتَغْيِثَانِ اللَّهَ وَيُنَلِّكَ آمِنٌ إِنَّ  
وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ فَيَقُولُ مَا هَذَا إِلَّا أَسَاطِيرُ الْأَوَّلِينَ

Maksudnya:

“Dan (sebaliknya amatlah derhakanya, orang yang berkata kepada kedua ibu bapanya (ketika mereka mengajaknya beriman): “Ah! Bosan perasaanku terhadap kamu berdua! Patutkah kamu menjanjikan kepadaku bahawa aku akan dibangkitkan keluar dari kubur, padahal berbagai umat sebelumku telah berlalu (tidak balik-balik lagi)?” Sambil mendengar kata-katanya itu- ibu bapanya merayu memohon pertolongan Allah (menyelamatkan anak mereka) serta berkata (kepada anaknya yang ingkar itu): “Selamatkanlah dirimu! Berimanlah (tentang hidup semula menerima balasan amal)!“

<sup>128</sup> Wahbah al-Zuhailiyy, *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidat wa al-Shariat wa al-Manhaj*, Dar al-Fikr, Beirut. 1998. hlm 259.

*Sesungguhnya janji Allah tetap benar". Lalu dia menjawab (dengan angkuhnya): "Semuanya itu hanyalah cerita-cerita dongeng orang-orang dahulu kala!".*

Menurut Ali Muhammad al-Diba' perkataan أَفْ pada ayat tersebut merupakan *masdar* bagi أَفَا-يُؤْفِ - أَفْ bermakna تَنَّا dan قُبْحًا ataupun ia merupakan *ism fi'l* bermakna أَتَصَحَّرُ. Ahli-ahli tafsir memberikan makna antara kedua-duanya sama ada bermakna kata terbitan atau أَتَصَحَّرُ . Manakala yang memberi makna (النَّئُولُ الْقَدَارَةُ) bau yang tidak menyenangkan). Bau yang tidak menyenangkan di sini merupakan satu *kinayah* tentang ketidakredhaan atas perbuatan tersebut sepetimana yang dibincangkan dalam tafsir Jalalayn yang mana perkataan أَفْ pada ayat-17 surah *al-Ahqaf* ditafsirkan sebagai *masdar* bermakna تَنَّا dan قُبْحًا.<sup>129</sup>

Muhyiddin al-Darwish menjelaskan perkataan أَفْ sebagai *ism fi'l mudari'* bermakna rasa tidak senang.<sup>130</sup> Wahbah al-Zuhailiyy juga menyatakan perkara yang sama ketika membincangkan tentang perkataan أَفْ iaitu ia adalah *ism fi'l mudari'* yang *mabniyy* dengan baris bawah yang bermakna rasa tidak senang.<sup>131</sup>

Sepetimana yang telah dijelaskan di dalam surah *al-Isra':23* dan surah *al-Anbiya':67*, perkataan أَفْ tergolong dalam *ism fi'l mudari'* . Pelakunya ialah *damir mustatir* merujuk kepada : saya. Walaupun terdapat pelbagai pendapat berhubung baris أَفْ penulis berpendapat أَفْ berbaris *tanwin* (baris dua di bawah) sepetimana ketiga-tiga

<sup>129</sup> Lihat: Dalam Ali Muhammad al-Diba'. *Hashiat Ahmad Bin Muhammad al-Sawi al-Maliki al-Khalawani 'ala Tafsir al-Jalalayn*, Shirkat Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Bani al-Hilbi wa awladihi. 1941.hlm 74.

<sup>130</sup> Lihat: Mahyuddin al-Darwish, *i'rab al-Quran wa Bayanuhu*, Dar Ibn Kathir, Beirut. 2002. hlm 170.

<sup>131</sup> Wahbah al-Zuhailiyy, *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidat wa al-Shariat wa al-Manhaj*, Dar al-Fikr, Beirut. 1998. hlm 41.

أَفْ<sup>ۚ</sup> yang tertera di dalam al-Quran al-karim menggunakan baris *tanwin* (baris dua di bawah).

### 11) *Al-Haqqat :19*

فَأَكَمَا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ فَيُقُولُ هَاؤُمْ أَفْرُؤُوا كِتَابِيَّةٌ

Maksudnya:

“Maka sesiapa yang diberikan menerima Kitab amalnya dengan tangan kanannya, maka ia akan berkata (dengan sukacitanya kepada sesiapa yang ada di sisinya): “Nah! Bacalah kamu Kitab amalku ini!”

Perkataan هَاؤُمْ ialah *ism fi'l amr mabniyy* dengan baris *sukun*, pelakunya adalah *damir mustatir* takdirnya: kamu (jamak). Berikut ialah antara pendapat yang penulis temui berhubung perkataan ini.

Ali Muhammad al-Diba‘ menjelaskan bahawa terdapat dua penggunaan هَاؤُمْ sama ada sebagai *ism fi'l* yang menggunakan lafaz yang sama ketika *muthanna*, jamak, maskulin dan feminin. Ia juga digunakan sebagai kata kerja yang mempunyai tanda dan makna kata kerja yang bermakna : ambillah!. Bahasa al-Quran menyatakan sebagai *ism fi'l* manakala fonem *hamzat* selepasnya ialah gantian daripada *kaf al-khitab* manakala fonem *mim* tanda jamak. Dalam konteks ini, Tafsir Jalalayn mentafsirkan kata هَاؤُمْ sebagai ambillah.<sup>132</sup>

<sup>132</sup> Ali Muhammad al-Diba‘. *Hashiat Ahmad Bin Muhammad al-Sawi al-Maliki al-Khalawani ‘ala Tafsir al-Jalalayn*, Shirkat Maktabat wa Matba‘at Mustafa al-Bani al-Hilbi wa awladih, 1941.hlm 230.

Merujuk Muhyiddin al-Darwish terdapat perbezaan pendapat pada makna **هَأُولُمُ**.

Pendapat mahsyur menyatakan maknanya: ambillah! Ada juga pendapat menyatakan maknanya ialah marilah yang transitif dengan partikel إِلٰى.<sup>133</sup>

Terdapat tiga pendapat berkaitan dengan perkataan **هاؤمُ**<sup>134</sup>:

Pertama : هاءِي يا هند، هاءِ يا زيد : Ia seumpama kata lalu disebut يعطّى، عاطى، هاءِي يا هند، هاءِ يا زيدون، هاءِيا يا زيدان أو يا هندان.

Kedua : Ia seumpama maka disebut هبٰ هاءٰ هئيٰ هاءٰ هئيٰ هبٰ seperti هبٰ هاءٰ هئيٰ هاءٰ هئيٰ هبٰ .

Ketiga : Ia seumpama **هاءٌ** maka disebut : **هاءٌ** seperti **هاءٌ**, **هاءٌ**, **هاءٌ**.

FirmanNya: هَوْفُمْ memerlukan kepada objek menjadi perkataan transitif seandainya bermakna خذ (ambilah!) manakala perkataan ini memerlukan kepada partikel إلی (ke/kepada) sekiranya bermakna تعالوا (marilah!)

12) Selain perkataan-perkataan yang disentuh sebelum ini dalam bab III ini, terdapat satu lagi perkataan yang menjadi perbincangan para ilmuwan iaitu perkataan آمين yang sering dibaca setelah selesai membaca surah *al-Fatihat*. Penulis membawakan beberapa pendapat berhubung perkataan آمين sekadar untuk melihat aspek makna dan penggunaannya.

<sup>133</sup> Lihat: Mahyuddin al-Darwish, *i’rab al-Quran wa Bayanuhu*, Dar Ibn Kathir, Beirut, 2002. hlm 54.

<sup>134</sup> Imam Shahabuddin Abi al-Abbas, *al-Durr al-Masun fi Ulum Kitab al-Maknun* – Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat, Beirut, 1994, hlm 365.

Menurut al-Zajjaj di dalam al-Quran ada pengucapan doa selepas *al-Fatihah* iaitu آمين. Terdapat dua bentuk iaitu آمين dan dengan *qasr* dan *mad*, kedua-duanya *ism fi'l* bagi اشْجَبُتْ *sepertimana* صَنْعٌ *kata nama bagi* أَسْكَنْتُ *seperti juga* مَهْ. Al-Zajjaj menyatakan Abu Ali pada keadaan yang lain ada menyebut perbezaan pendapat pada آمين iaitu ia adalah *ism fi'l* seperti: رُؤيْدٌ, إِمْهٌ, مَهْ, صَنْعٌ dan seumpamanya. Ada juga menyatakan kata nama dari nama-nama Allah.<sup>135</sup>

(آمين) التأمين Melihat kepada Wahbah al-Zuhailiyy pula, beliau menjelaskan sebagai doa iaitu perkenankanlah permintaan-permintaan kami, dan perkataan ini bukanlah sebahagian dari al-Quran yang sebelum ini tiada tetapi digunakan Nabi Musa a.s dan Nabi Harun a.s. Disunatkan untuk membacanya di akhir *al-Fatihah*.<sup>136</sup>

Ada pendapat menyatakan bahawa آمين antara nama-nama Allah takdirnya: يَا آمين. Pendapat ini salah dan boleh dilihat pada dua aspek: Pertama, nama-nama Allah tidak diketahui melainkan dengan cara *talaqqi*. Kedua, seandainya ia merupakan antara nama-nama Allah, maka perkataan آمين mestilah berbaris hadapan kerana menjadi *munada makrifat*. Perkataan ini juga terbahagi kepada dua bahasa yang menyebut secara *qasr* (ini adalah asalnya) آمين atau secara *mad* iaitu آمين yang bukan merupakan binaan Arab bahkan merupakan binaan asing seperti perkataan Habil dan Qabil.<sup>137</sup>

Perkataan آمين ini walau bagaimanapun sering dibaca setelah surah *al-Fatihah* dan disunatkan membacanya sepertimana yang dinyatakan ahli tafsir. Ia juga disebut ketika

<sup>135</sup> Al-Zajjaj, *i'rab al-Quran.*, Al-Hai'at al-'Ammat li Shu'un al-Matabi' al-Amiriyyat, Kaherah, 1963. hlm 141.

<sup>136</sup> Wahbah al-Zuhailiyy, *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidat wa al-Shariyat wa al-Manhaj*, Dar al-Fikr, Beirut. 1998. hlm 57.

<sup>137</sup> Abdullah bin Hussein, *Inla' ma Manna al-Rahman min Wujuh al-i'rab wa al-Qiraat fi Jami' al-Quran*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat, Beirut, 1979, hlm 8.

membaca doa dengan makna ‘perkenankanlah (doa)’. Penulis menganggap perkataan آمين termasuk kategori *ism fi'l amr*. Ia bukanlah suatu arahan tetapi lebih kepada permintaan daripada pihak yang lebih rendah kepada pihak yang lebih tinggi agar dipenuhi permintaan tersebut.

**Jadual 3.1 : Peratus Kekerapan *Ism Fi'l* Mengikut Surah.**

<b>Surah</b>	<b>Contoh</b>	<b>(%)</b>
<i>Al-Fatiha</i>		0%
<i>Al-Baqarat</i>		0%
<i>Ali Imran</i>		0%
<i>Al-Nisa'</i>		0%
<i>Al-Maidat</i>	عَلَيْكُمْ	8.333%
<i>Al-An'am</i>	هُنَّ	8.333%
<i>Al-A'raf</i>		0%
<i>Al-Anfal</i>		0%
<i>Al-Taubat</i>		0%
<i>Yunus</i>	مَكَانُكُمْ	8.333%
<i>Hud</i>		0%
<i>Yusuf</i>	هُنْ	8.333%
<i>Al-Ra'd</i>		0%
<i>Ibrahim</i>		0%
<i>Al-Hijr</i>		0%

<i>Al-Nahl</i>		0%
<i>Al-Isra'</i>	أَفْ	8.333%
<i>Al-Kahfī</i>		0%
<i>Maryam</i>		0%
<i>Taha</i>		0%
<i>Al-Anbiya'</i>	أَفْ	8.333%
<i>Al-Hajj</i>		0%
<i>Al-Mu'minun</i>	هُمْ يَهُا تَ	8.333%
<i>Al-Nur</i>		0%
<i>Al-Furqan</i>		0%
<i>Al-Shu'ara'</i>		0%
<i>Al-Naml</i>		0%
<i>Al-Qasas</i>	وَيْكَانٌ 1. وَيْكَانَةً 2.	16.67%
<i>Al-'Ankabut</i>		0%
<i>Al-Rum</i>		0%
<i>Luqman</i>		0%
<i>Al-Sajadat</i>		0%
<i>Al-Ahzab</i>	هَلْمٌ	8.333%
<i>Saba'</i>		0%
<i>Fatir</i>		0%
<i>Yasin</i>		0%

<i>Al-Saffat</i>		0%
<i>Sad</i>		0%
<i>Al-Zumar</i>		0%
<i>Ghafir</i>		0%
<i>Fussilat</i>		0%
<i>Al-Shura</i>		0%
<i>Al-Zukhruf</i>		0%
<i>Al-Dukhan</i>		0%
<i>Al-Jathiyat</i>		0%
<i>Al-Ahqaf</i>	﴿	8.333%
<i>Muhammad</i>		0%
<i>Al-Fath</i>		0%
<i>Al-Hujurat</i>		0%
<i>Qaf</i>		0%
<i>Al-Dhariyat</i>		0%
<i>Al-Tur</i>		0%
<i>Al-Najm</i>		0%
<i>Al-Qamr</i>		0%
<i>Al-Rahman</i>		0%
<i>Al-Waqiat</i>		0%
<i>Al-Hadid</i>		0%
<i>Al-Mujadalat</i>		0%
<i>Al-Hashr</i>		0%

<i>Al-Mumtahinat</i>		0%
<i>Al-Saf</i>		0%
<i>Al-Jum‘at</i>		0%
<i>Al-Munafiqun</i>		0%
<i>Al-Taghabun</i>		0%
<i>Al-Tallaq</i>		0%
<i>Al-Tahrim</i>		0%
<i>Al-Mulk</i>		0%
<i>Al-Qalam</i>		0%
<i>Al-Haqqaṭ</i>	هَقْوَّمٌ	8.333%
<i>Al-Ma‘arij</i>		0%
<i>Nuh</i>		0%
<i>Al-Jin</i>		0%
<i>Al-Muzammil</i>		0%
<i>Al-Mudaththir</i>		0%
<i>Al-Qiyamat</i>		0%
<i>Al-Insan</i>		0%
<i>Al-Mursalat</i>		0%
<i>Al-Naba’</i>		0%
<i>Al-Nazi‘at</i>		0%
<i>‘Abasa</i>		0%
<i>Al-Takwir</i>		0%
<i>Al-Infītar</i>		0%

<i>Al-Mutaffifin</i>		0%
<i>Al-Inshiqaq</i>		0%
<i>Al-Buruj</i>		0%
<i>Al-Tariq</i>		0%
<i>Al-'A'la</i>		0%
<i>Al-Ghashiat</i>		0%
<i>Al-Fajr</i>		0%
<i>Al-Balad</i>		0%
<i>Al-Shams</i>		0%
<i>Al-Layl</i>		0%
<i>Al-Duha</i>		0%
<i>Al-Inshirah</i>		0%
<i>Al-Tin</i>		0%
<i>Al-'Alaq</i>		0%
<i>Al-Qadr</i>		0%
<i>Al-Bayyinat</i>		0%
<i>Al-Zalzalat</i>		0%
<i>Al-'Adiyat</i>		0%
<i>Al-Qari‘at</i>		0%
<i>Al-Takathur</i>		0%
<i>Al-'Asr</i>		0%
<i>Al-Humazat</i>		0%
<i>Al-Fil</i>		0%


<i>Quraish</i>		0%
<i>Al-Ma'un</i>		0%
<i>Al-Kauthar</i>		0%
<i>Al-Kafirun</i>		0%
<i>Al-Nasr</i>		0%
<i>Al-Masad</i>		0%
<i>Al-Ikhlas</i>		0%
<i>Al-Falaq</i>		0%
<i>Al-Nas</i>		0%

Merujuk jadual 3.1, surah yang mempunyai peratus paling tinggi *ism fi'l* ialah surah *al-Qasas* iaitu sebanyak 16.67%. Surah-surah yang lain yang di dalamnya terdapat *ism fi'l* ialah surah *al-Maidat* iaitu sebanyak 8.333% begitu juga surah *al-An'am*, surah *Yunus*, surah *Yusuf*, surah *al-Isra'*, surah *al-Anbiya'*, surah *al-Mu'minun*, surah *al-Ahzab*, surah *al-Ahqaf* dan surah *al-Haqqat*.

Manakala surah-surah yang lain kesemuanya tidak mempunyai *ism fi'l* menjadikan peratus masing-masing ialah 0%. Melalui jadual ini didapati bahawa *ism fi'l* hanya terdapat pada 12 tempat sahaja dan berada dalam 11 surah di dalam al-Quran meskipun keseluruhan surah yang terdapat di dalam al-Quran ialah 114 surah.

Berikut ialah carta pai yang mewakili peratusan *ism fi'l* mengikut surah-surah di dalam al-Quran al-karim:

**Carta 1: Peratusan *Ism Fi'l* Dalam Al-Quran al-Karim**



### 3.3 Penutup

Dalam bab ini penulis mendapati pelbagai pandangan yang diutarakan oleh ulama tafsir dan para nahuwan tidak jauh berbeza dari aspek makna dan penggunaan *ism fi'l* yang terdapat dalam al-Quran. Didapati juga penggunaan *ism fi'l* dalam al-Quran terlalu terhad penggunaannya berbanding jenis perkataan bahasa Arab yang lain terutamanya kata kerja dan kata nama.